

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN : 315

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meluluskan lapangan terbang antarabangsa yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak di Bagan Serai (Utara Malaysia Airport Terminal) atau sebagai alternatif di Seri Iskandar, Perak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sebelum ini telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Perak untuk pembinaan lapangan terbang baharu di Seri Iskandar, Perak bagi menggantikan lapangan terbang sedia ada. Satu kajian kebolehlaksanaan telah dilaksanakan oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) melalui KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd (KPMG) pada 8 Mac 2018. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak komprehensif. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri perlu mengemukakan semula cadangan yang lebih lengkap sekiranya Kerajaan Negeri berminat untuk meneruskan permohonan bagi pembinaan sebuah lapangan terbang baharu di Seri Iskandar, Perak.

Kerajaan mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada syarikat swasta untuk membantu merancakkan ekonomi negara termasuk cadangan untuk membina Lapangan Terbang Utara Malaysia (UMAT) di Bagan Serai. Pendirian Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan di Perak. Sehubungan itu, adalah wajar sebarang cadangan berhubung pembinaan UMAT dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan untuk pertimbangan selanjutnya.

Pada masa ini, terdapat penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh yang dikendalikan oleh Firefly, Malindo dan Flyscoot bagi laluan Ipoh-Singapura dan Ipoh-Medan dengan kekerapan masing-masing sebanyak 25 dan 3 kali seminggu.